

MRT laluan Putrajaya rancakkan semula pembangunan sekitar

BH- 17/6/2022 m/s:2

Kawasan sepanjang jajaran dijangka membangun lebih pesat

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pembukaan Transit Aliran Massa (MRT) Laluan Putrajaya dijangka mencetus dan merancakkan semula pembangunan di kawasan lama atau yang belum dibangunkan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, kerajaan yakin kawasan sepanjang jajaran seperti Jinjang, Sungai Buloh, Kepong dan Bandar Sri Damansara akan membangun lebih pesat, setara dengan kawasan di bandar lain melalui pembukaan laluan berkenaan.

MRT Laluan Fasa Satu membatik laluan dari Kwasa Damansara hingga Kampung Batu, manakala Laluan Fasa Dua yang kini 98.3 peratus siap dan dijangka dilancarkan pada Januari atau Februari tahun depan, membatik laluan dari Kampung Batu ke Putrajaya yang akan melalui kawasan strategik.

“Kawasan strategik itu termasuk pusat bandar Kuala Lumpur dengan stesen bawah tanah seperti Titivangsa, Hospital Kuala Lumpur, Ampang Park, Persiaran KLCC dan Tun Razak Exchange

(TRX),” katanya berucap melancarkan MRT Laluan Putrajaya Fasa Satu di Stesen MRT Kampung Batu, di sini semalam.

Yang turut hadir, Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz; Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed dan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Shahidan Kassim.

Terdahulu, Perdana Menteri diiringi Ka Siong, Zafrul, Shahidan, Mustapa serta Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Prasarana Berhad, Mohd Azharuddin Mat Sah mengalami sendiri pengalaman menaiki tren MRT laluan Putrajaya sebelum berhenti di stesen Sri Damansara Sentral.

Ismail Sabri berkata, kemudahan laluan MRT Putrajaya akan terus menjadi pemangkin ke arah mengeratkan hubungan antara komuniti terutama yang tinggal berdekatan jajaran, membolehkan rakyat lebih mudah bergerak dan berulang-alik ke tempat kerja, bersosial serta mengakses kemudahan awam lain.

MRT Laluan Putrajaya sepanjang 57.7 kilometer (km) mempunyai 36 stesen, iaitu 27 stesen bertingkat dan sembilan stesen bawah tanah dengan kos pembinaan RM30.53 bilion. Ia menyediakan perkhidmatan kepada lebih kurang dua juta penduduk di koridor bermula dari kawasan Kwasa Damansara ke Putrajaya.

Pembangunan fasa satu sepanjang 17.5km membabitkan 12 stesen, termasuk tiga yang ditukarkan dari MRT Laluan Kajang de-

ngan tempoh perjalanan selama 24 minit, selain menempatkan 2,836 lot parkir di tujuh kemudahan ‘Park n Ride’.

Jajaran itu mengandungi empat stesen pertukaran, iaitu Kwasa Damansara (dengan MRT Laluan Kajang), Sungai Buloh dan Kampung Batu (dengan KTM) serta Sri Damansara Timur (dengan Stesen KTM Kepong Sentral).

Perdana Menteri memaklumkan, MRT kini dalam perancangan untuk menambah empat lagi stesen baharu pada masa akan datang agar akses kepada pengangkutan awam dapat terus ditingkatkan.

Pembukaan sepenuhnya MRT Laluan Putrajaya, katanya, dijangka mencatatkan jumlah awal penumpang harian melebihi 104,000 orang, seterusnya diharap dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas yang kini menghantui Kuala Lumpur.

Beliau berkata, selaras dengan teras Dasar Pengangkutan Negara, adalah menjadi hasrat utama kerajaan untuk menyediakan sistem pengangkutan awam yang selamat, cekap, mampan dan boleh dipercayai bagi Keluarga Malaysia.

Katanya, penyediaan pengangkutan awam juga akan dipertingkatkan supaya Keluarga Malaysia menikmati akses lebih baik kepada perkhidmatan dan ketersambungan yang lancar seperti dirancang dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12).

“Ini juga antara agenda utama yang dilaksanakan kerajaan bagi memulih dan menstabilkan ekonomi negara serta memastikan kesejahteraan hidup Keluarga Malaysia,” katanya.